

22 FEB 1999

Sabah-Reaksi

PEMBUBARAN DEWAN DISAMBUT LEGA OLEH SEMUA

KOTA KINABALU, 22 Feb (Bernama) -- Pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah hari ini melegakan semua pihak terutama parti-parti politik yang telah lama bersiap sedia menghadapi pilihan raya kesembilan yang bakal diadakan.

Sejak beberapa minggu lepas, teka-teki mengenai tarikh pembubaran menjadi perbualan hangat di kalangan parti-parti politik dan berita-berita spekulasi mengenai tarikh itu menjadi tajuk utama di akhbar-akhbar negeri ini.

Penetapan tarikh penamaan calon dan pengundian kini terserah kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang dijangka bermesyuarat esok bagi menetapkan tarikh berkenaan.

Ketua Menteri Tan Seri Bernard Dompok membuat pengumuman itu pada pukul 12.08 tengah hari di Bangunan Dewan Undangan Negeri di sini yang disiarkan secara langsung oleh RTM.

Pengerusi Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Haji Sukam ketika ditemui selepas pengumuman itu berkata, beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti tidak lama lagi untuk mengemukakan nama-nama calon yang akan bertanding.

Mengenai pembahagian kerusi, beliau berkata, ianya perlu dipersetujui semua pihak dan jika didapati ada beberapa permintaan yang bertindih perkara itu akan diselesaikan dalam semangat Barisan Nasional (BN).

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Datuk Joseph Kurup pula ketika dihubungi berkata pengumuman itu melenyapkan tanggapan bahawa tarikh pembubaran hari ini tidak jadi kerana tiada kata sepakat antara parti komponen BN mengenai kerusi yang akan ditandingi.

Beliau turut sependapat dengan Osu bahawa jika ada pun rasa tidak puas hati mengenai kerusi, beliau percaya masalah kecil itu dapat diatasi dalam semangat kekeluargaan BN.

Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia pula berkata keputusan pembubaran itu diterima sebulat suara oleh BN negeri yang telah lama bersedia untuk mendapatkan mandat baru bagi meneruskan pembangunan negeri dan meningkatkan taraf hidup penduduk Sabah yang masih jauh ketinggalan.

Mengenai bilangan kerusi yang akan ditandingi Akar, Pandikar Amin yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri bagi Tempasuk berkata, parti itu akan akur dengan peruntukan yang dibuat oleh BN.

"Kita (Akar) harap sekurang-kurangnya ketiga-tiga kawasan kita Tempasuk, Matunggong dan Malalap (dahulu Tenom) dapat dikekalkan," katanya.

Pengerusi MCA Sabah Datuk Chau Tet On juga berkata pembubaran dewan yang begitu lama dinanti-nantikan pasti melegakan rakyat dan semua parti politik.

Beliau yang yakin BN akan mendapat sokongan penggundi di negeri ini berkata, MCA telah memohon dua lagi kawasan untuk bertanding menjadikan kesemuanya tiga kawasan bagi parti itu pada pilihan raya ini.

Chau yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Api-Api yakin akan dipilih semula mempertahankan kerusi yang beliau menangi atas tiket Parti Bersatu Sabah (PBS) pada 1994 itu.

Dua kawasan lain pilihan MCA ialah Sri Tanjong dan Karamunting, katanya.

Sri Tanjong sebelum ini diwakili oleh Datuk Michael Lim dari Parti Maju Sabah (SAPP) yang menangi kawasan itu atas tiket PBS manakala Karamunting oleh wakil bebas Lau Pui Keong, juga dahulu menang atas tiket PBS.

Beliau berkata kajian MCA selama sembilan tahun di ketiga-tiga kawasan pengundi majoriti Cina itu menunjukkan bahawa pengund di situ telah menerima MCA.

Umno, PBRS, Akar dan MCA merupakan antara parti komponen BN di Sabah.

Sementara itu pemangku Presiden Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) Datuk Harris Salleh pula berkata pengumuman pembubaran itu tepat pada masanya kerana "rakyat Sabah telah menunggu lebih setahun untuk menghadapi pilihan raya itu".

Beliau berkata keputusan pilihan raya kali ini akan menyaksikan satu "kejutan".

Beliau yakin partinya akan mendapat antara 30 dan 40 kerusi daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan nanti.

Ketua PAS Sabah Haji Muhammad Tingka alias Abdullah pula berkata pengumuman itu bukan satu kejutan kepada parti itu kerana sudah meramalkan pembubaran dewan akan dibuat bulan ini.

Beliau berkata pilihan raya yang akan diadakan nanti akan memberi peluang kepada PAS untuk berkhidmat kepada rakyat.

Baru-baru ini PAS mengesahkan akan bertanding di 10 kawasan.

Anggota Dewan Undangan Negeri Bingkor, Datuk Dr Jeffrey Kitingan dari Parti Bersatu Sabah (PBS) pula berkata "Kami telah menunggu lama untuk ini. Inilah kali pertama Dewan Undangan Negeri Sabah dibubarkan di penghujung tempoh mandat. Mungkin BN tidak yakin akan menang dan menunda tarikh pembubaran hingga ke hari ini," kata beliau dalam satu kenyataan.

Rakyat kini dapat menentukan sama ada mereka mahu meneruskan dengan kerajaan sekarang dan amalannya, katanya.

-- BERNAMA

Team PR